
KONTAINER PENYIMPANAN BARANG DI ATAS PETAK LETAK KENDERAAN TANPA KEBENARAN

Dua buah kontena simpanan tanpa kebenaran yang ditempatkan di kawasan perindustrian Kampong Lugu, Mukim Sengkurong telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti dan mengalihkan kontena berkenaan dari petak letak kenderaan kerana melanggar Seksyen 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248. Perbuatan tersebut merupakan penggunaan kawasan petak letak kenderaan awam tanpa Kebenaran Perancangan.

Kehadiran kontena di kawasan tersebut telah mengurangkan jumlah petak letak kenderaan yang disediakan untuk orang ramai dan penyewa-penyewa lain. Petak letak kenderaan di kawasan komersial mahupun kawasan perindustrian adalah kawasan guna sama yang perlu dipelihara untuk kegunaan bersama. Oleh itu, semua pihak bertanggungjawab untuk tidak mencero bohi atau menggunakan kawasan awam bagi kepentingan persendirian.

Selain menjejaskan kemudahan awam, kegiatan seperti ini turut menurunkan kualiti dan nilai estetik kawasan perindustrian. Keadaan yang tidak teratur boleh memberi kesan negatif kepada usaha Negara dalam menarik lebih banyak pelaburan ke Brunei Darussalam. Justeru, kawasan perindustrian hendaklah sentiasa dipastikan berada dalam keadaan rapi, bersih dan teratur.

Hasil pemantauan dan pemeriksaan rutin, didapati pemilik tanah telah mematuhi arahan pihak berkuasa dengan menghentikan aktiviti, mengalihkan kontena, serta membersihkan kawasan berkenaan.

Pihak Berkuasa mengingatkan orang ramai bahawa sebarang pemajuan atau perubahan penggunaan tanpa Kebenaran Perancangan boleh mengundang risiko keselamatan dan menjejaskan kesejahteraan orang ramai. Seksyen 23 Akta berkenaan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah, atau melaksanakan kerja di dalam kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegagalan mematuhi undang-undang ini boleh dikenakan tindakan termasuk denda sehingga \$200,000, dan bagi kesalahan yang berterusan, denda tambahan sehingga \$10,000 bagi setiap hari selepas disabitkan.

Untuk sebarang aduan atau khidmat nasihat berkaitan perancangan, orang ramai bolehlah menghubungi talian hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di 8200 222.

- TAMAT -